



**B A B**

**I**

**PENDAHULUAN**

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### A. LATARBELAKANG MASALAH

##### 1. FELDA dan Penubuhannya secara Ringkas

FEDERAL LAND DEVELOPMENT AUTHORITY (LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN) atau nama ringkasnya FELDA sebenarnya telah ditubuhkan pada 1 hb. Julai, 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah No. 20, 1956<sup>1</sup> dengan mandat untuk memajukan dan membantu pembangunan tanah dan penempatan masyarakat di Semenanjung Malaysia.

Dalam tahun-tahun enampuluan FELDA mula berkembang dengan pesatnyanya mengikut arahan Majlis Tanah Negara yang diketuai oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri ketika itu.<sup>2</sup>

Dari segi peranan FELDA semasa awal penubuhannya ia mempunyai fungsi yang begitu terhad. Dalam jangkamasa pembentukannya hinggalah ke tahun 60an, FELDA telah mengalami berbagai perubahan terutama untuk meninggikan taraf hidup rakyat, khususnya golongan miskin. Ia melibatkan beberapa bahagian seperti corak penempatan, pembangunan sosial masyarakat dan kemajuan pembangunan FELDA.

---

<sup>1</sup> Maklumat Asas Mengenai Kumpulan Felda, Jilid 1, Mei 1988, hal. 1.

<sup>2</sup> Rencana Pengarang, Felda Setelah 25 Tahun, Majalah Peneroka, Jilid 13, bil. 5, Kuala Lumpur, FELDA, hal. 3.

### a. Corak Penempatan

Corak penempatan juga telah diubahsuai mengikut kehendak dan keperluan negara dari masa ke semasa. Mereka ini diberi kemudahan tempat tinggal yang selesa dan keperluan yang cukup untuk menjamin taraf kehidupan yang lebih sempurna. Dengan itu, para peneroka yang rata-ratanya datangnya dari golongan miskin dapat mengecapi kesenangan dan kesejahteraan hidup yang lebih baik.

Di segi keluasan kawasan pertanian yang diperuntukkan bagi seseorang peneroka pula telah ditambah dari 10 ekar kepada 12 ekar untuk tanaman getah dan dari 10 ekar kepada 14 ekar untuk tanaman kelapa sawit. Sarahidup peneroka juga berubah dari \$69.00 kepada \$84.00, kemudian kepada \$100.00 dan seterusnya kepada \$150.00 sebulan.<sup>3</sup>

Ini menunjukkan bahawa taraf hidup rakyat telah berubah kepada suatu keadaan yang maju dan membangun dengan adanya peningkatan di segi pendapatan mereka.

### b. Pembangunan Sosial Masyarakat

Dalam tahun 1967, kegiatan pembangunan peneroka pula mula dilancarkan dengan tujuan supaya pembangunan pertanian, ekonomi dan sosial dapat diperseimbangkan. Dalam tahun yang sama Jawatan-Kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) ditubuhkan sebagai mengorak langkah penglibatan peneroka dalam pembangunan masyarakat FELDA. Dengan tertubuhnya badan ini para peneroka dapat melibatkan diri dalam beberapa persatuan demi untuk memajukan FELDA itu sendiri.

Segala-gala ini berlaku mengikut kehendak dan keperluan semasa.

c. Kemajuan Pembangunan Felda

Kemajuan Pembangunan Felda dalam tahun-tahun 1960an menunjukkan sesuatu yang menggalakkan khususnya di segi jenis-jenis tanaman yang diusahakan, bilangan rancangan yang dimajukan dengan tanaman tersebut, keluasan tanah pertanian dan juga bilangan keluarga peneroka.

Data mengenai kemajuan pembangunan Felda dalam tahun-tahun 60an adalah seperti berikut:

Kemajuan Pembangunan Felda

<u>Tanaman</u>	<u>Bil. Rancangan yang dimajukan</u>	<u>Luas Kawasan Pertanian (ekar)</u>	<u>Bil. Keluarga Peneroka</u>
Getah	113	436,650	28,288
K/Sawit	173	797,327	37,735
Tebu	2	14,177	443
Koko	11	37,208	183
Kopi	1	1,307	-
<b>JUMLAH</b>	<b>300</b>	<b>1286,669</b>	<b>66,649</b>

Kawasan Pertanian : 1286,669 ekar

Kawasan Perkampungan: 73,943 ekar

Jumlah Kawasan Dimajukan: 1359,612 ekar<sup>4</sup>

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Op.cit. hal. 4.

4

Data ini menunjukkan satu perkembangan yang menggalakkan dan seterusnya kemajuan ini menunjukkan satu keadaan bahawa masyarakat dapat menikmati pembangunan negara dengan lebih baik bagi menjamin kehidupan mereka.

Setelah tamatnya darurat pada tahun 1960an, peranan FELDA telah diubahsuai dengan rancangan kerajaan yang menitikberatkan kepada pembangunan luarbandar. FELDA telah ditugaskan untuk merancang, mentadbir dan menjalankan semua rancangan pembangunan tanah.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966 - 1970) FELDA mempunyai peranan penting iaitu meningkatkan kedudukan golongan yang berpendapatan rendah dan mengusahakan tanah baru untuk tujuan pertanian. Dalam Rancangan Malaysia Kedua pula, tanggungjawabnya diteruskan selaras dengan objektifnya untuk memperluaskan dan memodenkan lagi sektor pertanian.

Meninggikan pendapatan rakyat luarbandar dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk yang tidak mempunyai tanah terutamanya kaum petani menjadi matlamat utama FELDA.<sup>5</sup> FELDA bukan semata-mata ladang, tetapi ia merupakan sebuah perkampungan yang paling tersusun dengan sebuah kawasan perumahan seluas suku ekar bagi setiap peneroka, adanya berbagai-bagai kemudahan asas seperti masjid, balairaya, sekolah dan segala macam kemudahan lain. Tiap-tiap keluarga diberi sebanyak 10 ekar tanah untuk diusahakan dengan sistem hakmilik individu.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Puan Hajah Maimun Ibrahim, Pameran Felda Sebagai Projek Gagasan Tun Abdul Razak, Majalah Peneroka, Jilid 19, bil. 4, Kuala Lumpur, FELDA, 1987, hal. 15.

Dalam RMK juga corak penempatan di FELDA telah diubahsuai-kan mengikut kehendak negara dari masa ke semasa. Dari konsep ban-  
dangan yang mempunyai satu kawasan pertanian dan perkampungan un-  
tuk menampung lebih kurang 400 orang peneroka, FELDA beralih kepa-  
da konsep gugusan dan Gugusan Taib Andak merupakan gugusan yang  
pertama dilaksanakan.<sup>7</sup>

### 2. Matlamat FELDA

Matlamat FELDA adalah berasaskan kepada Ordinan Tanah 1956 yang telah menggariskan beberapa perkara iaitu:

- a. membuka dan memajukan tanah untuk dijadikan kawasan per-  
ladangan dan penempatan.
- b. menempatkan rakyat yang tidak bertanah dengan tujuan ...  
meningkatkan taraf hidup mereka.
- c. melaksanakan pembangunan secara bersepadu dengan menga-  
dakan kemudahan awam dan khidmat untuk meninggikan taraf ekonomi  
dan masyarakat peneroka.
- d. menjalankan kegiatan sosial dan kerohanian bertujuan  
memberikan keluarga peneroka galakan untuk menjadi rakyat yang  
berdisiplin, progresif dan bertanggungjawab.
- e. mengadakan kemudahan pemprosesan, pemasaran, pengangkutan  
dan lain-lain aktiviti yang boleh memberi pulangan yang optimum  
kepada peneroka.

### 3. Tanggungjawab dan Peranan FELDA

Mengikut penentuan Akta Kawasan Penempatan Berkelompok

---

<sup>6</sup> Datuk Haji Abdul Aziz Rahman, FELDA Ladang Rakyat, Dewan  
Sudnya, Jilid 10, bil. 4, DBP, Kuala Lumpur, April 1968, hal. 24.

(GSA Act) 1960, tanggungjawab FELDA ialah membangun dan menguruskan kawasan rancangan secara berterusan. Perkara ini dinyatakan di bawah Sekyen 34(3). Keadaan ini akan berlanjutan melaiikkan kerajaan negeri dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab membuat keputusan mengeluarkan kawasan berkenaan dari kawasan penempatan berkelompok mengikut Sekyen 44.

Matlamat pembukaan tanah dan penempatan peneroka yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RNL 1986 - 1990). Manakala pembukaan tanah baru FELDA bagi tempoh RNL ialah 175,500 hektar atau 35,100 hektar setahun. Sementara itu matlamat penempatan peneroka pula ialah 30,000 keluarga dengan kadar 6,000 keluarga setahun.<sup>8</sup>

FELDA juga dikendalikan oleh sebuah lembaga yang mengandungi seorang pengerusi dan 12 orang ahli yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab bagi FELDA. Secara tegasnya, antara bentuk jentera pentadbiran bagi menjayakan matlamat FELDA, kegiatan dan tadbiran kumpulan FELDA dibahagikan kepada 3 iaitu:

- a. Pembukaan Tanah dan Penempatan
- b. Perbadanan-perbadanan
- c. Syarikat-syarikat Usahasama

Ketiga-tiga badan ini mempunyai peranannya yang tertentu seperti berikut:

<sup>7</sup>Rencana Pengarang, op.cit. hal. 3.

<sup>8</sup>Maklumat Asas Mengenai Kumpulan Felda, op.cit. hal. 1.

## a. Pembukaan Tanah dan Penempatan

Diketuai oleh Pengarah Besar dan dibantu oleh dua orang Pembantu Pengarah iaitu pembangunan dan khidmat. Usaha pembukaan tanah dan penempatan dilaksanakan melalui Jabatan-jabatan Pembangunan dan Khidmat:

### i. Jabatan Pembangunan

Jabatan ini bertanggungjawab bagi semua aspek pelaksanaan pembangunan pertanian dan peneroka. Kawasan pembangunan dibahagikan kepada 9 zon dan setiap zon diketuai oleh seorang Pengarah Pembangunan. Seorang Pengarah Pembangunan mengawasi 3 orang Penolong Pengarah Pembangunan, manakala setiap Penolong Pengarah pula mengawasi lebih kurang 20 buah rancangan yang meliputi kawasan seluas kira-kira 30,350 hektar.

### ii. Jabatan Khidmat

Fungsi jabatan ini ialah memberi khidmat sokongan kepada pembangunan dan mengadungi Jabatan Kewangan, Kejuruteraan Perancangan dan Belanjawan, Khidmat Urusan Ukur Tanah dan Penempatan Peneroka serta Perjawatan dan Latihan.

## b. Perbadanan-Perbadanan

Ia ditubuhkan mengikut Seksyen 43 Ordinan Kemajuan Tanah 1956 sebagai badan-badan tunjangan untuk memberi sokongan dalam bidang pemprosesan, pemasaran, pembekalan, pengangkutan, khidmat perkhidmatan, khidmat keselamatan, pembinaan dan pemprosesan data.

Kini terdapat sebanyak 13 buah perbadanan yang diuruskan secara komersial dengan pembiayaan sendiri. Seorang Pengarah Urusan



dan Kumpulan (Perbadanan) bertanggungjawab ke atas tadbiran 10 daripada perbadanan-perbadanan ini yang setiap satunya diketuai oleh Pengurus Besar masing-masing. Tiga buah lagi daripada perbadanan-perbadanan itu ialah Perbadanan Pemasaran, Perbadanan Perusahaan Penapisan dan Perbadanan Getah yang diletakkan di bawah tadbiran Pengarah Urusan Kumpulan (Perbadanan).<sup>9</sup>

#### c. Syarikat-Syarikat Usahasama

Tujuh buah syarikat usahasama telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Syarikat ini diketuai oleh Pengarah Urusan dan Pengurus Besar, masing-masing di bawah pengawasan Pengarah Urusan Kumpulan (Perniagaan).<sup>10</sup>

#### 4. Peneroka

Penduduk atau orang yang menetap di sesebuah tanah FELDA lebih dikenali sebagai peneroka. Sebelum memasuki FELDA mereka ini mestilah mempunyai syarat-syarat kelayakan menjadi peneroka iaitu:

- a. Peneroka mestilah warganegara Malaysia.
- b. Peneroka hendaklah berumur antara 18 hingga 40 tahun
- c. Pemohon yang tidak mempunyai tanah desa lebih daripada dua ekar atau lebih daripada satu lot rumah atau tidak lebih daripada kedua-duanya.<sup>11</sup>

Menandatangani Surat Perjanjian Peneroka merupakan satu kewajiban utama seseorang peneroka ketika dirasmikan menjadi penghuni di sesebuah tanah rancangan. Setelah menandatangani Surat Perjanjian tersebut, bermakna ia telah diperakukan sebagai peneroka FELDA. Bermula dari sinilah mereka mengakui dan patuh kepada per-

turan yang ditetapkan oleh FELDA. Mereka juga berkelayakan menikmati kemudahan yang disediakan oleh FELDA untuk mereka di samping berusaha memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu dan taraf kehidupan keluarga.

Surat perjanjian yang digubal antara peneroka dengan FELDA ini merupakan satu peraturan yang mesti dipatuhi oleh kedua-dua pihak. Surat tersebut samada untuk rancangan kelapa sawit, getah atau lainnya terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan perjanjian antara peneroka dengan FELDA ketika mereka baru menjadi peneroka. Manakala bahagian kedua merupakan perjanjian antara peneroka berkenaan dengan FELDA ketika peneroka sudah menerima hasil ladang. Kedua-dua bahagian ini perlu ditandatangani dan dipatuhi oleh setiap peneroka. Jika seseorang peneroka tidak mematuhi ia merupakan seorang yang telah melakukan dosa di segi pandangan Islam. Begitu juga di sudut kemasyarakatan peneroka berkenaan sudah tidak amanah lagi dan disegi undang-undang peneroka tersebut boleh dikenakan tindakan sewajarnya oleh mahkamah.

Selepas memahami kandungan surat perjanjian, peneroka akan sedar terhadap tugas dan tanggungjawabnya. Dengan kesedaran ini ia boleh menjalankan tugas sehariannya dengan sempurna supaya rancangan dapat dimajukan sebagaimana yang diharapkan. Hasil yang dikeluarkan dari titikpeluh peneroka ini bukan sahaja memberi kepuasan kepada mereka sendiri, malahan juga merupakan sumbangan kepada pengeluaran dan kekayaan negara. Setelah hasil dikeluarkan maka wang diperolehi dan ini membolehkan peneroka membayar semula hutang kepada FELDA. Peneroka ini dapat memiliki tanah yang di-

memahakannya dalam ertikata yang sebenarnya apabila semua hutang dijelaskan. Sebaliknya jika peneroka tidak memahami Surat Perjanjian dan tidak sedar akan tugas dan tanggungjawabnya, maka timbul lah sikap keterlaluan, perbuatan menyeleweng dan sebagainya. Jika ini terjadi maka kedua-dua pihak akan mengalami kerugian. FELDA di katakan rugi kerna rancangan tidak dapat dimajukan dengan sempurna dan hutang peneroka tidak jelas. Peneroka juga akan rugi kerana tidak mendapat hakmilik tanah disebabkan hutang mereka belum jelas. Jadi, setiap peneroka yang menduduki tanah rancangan FELDA patut memahami dengan jelas apa yang terkandung di dalam Surat Perjanjian dan mesti mematuhiya untuk menjamin kecerahan masa depan diri dan ahli keluarga.<sup>12</sup> Ini jelas sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa;

"FELDA akan terus berjaya dengan adanya usaha gigih, berdisiplin dan bersikap tenang oleh peneroka dan pihak pengurusan FELDA. Kejayaan yang dicapai hari ini bahawa peneroka FELDA memang gigih berusaha sehingga mereka jauh lebih baik daripada penduduk di sesetengah kampung tradisional. Ini adalah kejayaan yang membanggakan. Peneroka hendaklah menumpukan perhatian kepada usaha mengekalkan FELDA sebagai ladang terbesar di dunia dan berjaya memenuhi matlamatnya!"<sup>13</sup>

---

<sup>9</sup> Ibid. hal. 2.

<sup>10</sup> Op.cit. hal. 2.

<sup>11</sup> Rencana Pengarang, Surat Perjanjian Peneroka, Majalah Peneroka, Jilid 10, bil. 7, Kuala Lumpur, FELDA, hal. 2.

<sup>12</sup> Ibid. hal. 1.

<sup>13</sup> Ahmad Salman Omar, FELDA akan Terus Berjaya Dengan Usaha Peneroka dan Pihak Pengurusan, Majalah Peneroka, Jilid 31, bil. 1, Kuala Lumpur, FELDA, 1989, hal. 1.

### 5. Memperkenalkan Felda Tenang Besut (Kawasan Kajian)

Felda Tenang Besut terletak kira-kira 15 batu dari bandar Jerneh. Ia merupakan sebuah kawasan perkampungan terpencil yang mula dimajukan pada tahun 1961 dan menjadi rancangan FELDA yang kedua di negeri Terengganu. Usaha memajukan rancangan ini pada dasarnya dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Negeri Terengganu sebelum diambilalih oleh FELDA pada tahun 1962.

Sebagaimana FELDA-FELDA lain di Semenanjung Malaysia Felda Tenang Besut juga mempunyai peringkat-peringkat tertentu bergantung kepada tarikh penempatan peneroka mengikut pemilihan yang dibuat dari semasa ke semasa. Tegasnya rancangan ini mengandungi sebanyak lima peringkat dengan kawasan seluas kira-kira 1484.8 hektar. Daripada jumlah ini seluas 271.2 hektar telah ditanami dengan getah sementara 1108.6 hektar lagi ditanam dengan kelapa sawit. Manakala kawasan seluas 105 hektar telah dimajukan sebagai kawasan perkampungan. Penempatan peneroka secara berperingkat-peringkat ini menunjukkan bahawa tarikh kemasukan mereka ke tanah rancangan tersebut adalah tidak sama.

Kemasukan peneroka peringkat pertama ialah antara tahun 1960 hingga 1963, manakala peringkat kedua pula pada tahun 1967 dan 1970. Sementara itu peringkat ketiga antara tahun 1978 hingga 1979 yang merupakan kawasan rezab tambahan bagi peringkat pertama dan kedua. Rancangan ini terus dimajukan lagi dengan pembukaan peringkat 4A dan 4B serta peringkat kelima antara tahun 1982, 1983 dan 1984. Peringkat-peringkat ini telahpun ditempatkan penero-

ka pada tahun 1988 dan 1989. Kesemua peneroka yang menetap di tanah rancangan ini adalah dari keturunan Melayu yang beragama Islam.<sup>14</sup>

Sejak dari pembukaannya hingga kini rancangan ini telah ditadbirkan oleh 12 orang pengurus. Pengurus-pengurus inilah yang bertanggungjawab ke atas semua urusan dan pentadbiran serta segala masalah yang berlaku di rancangan.

#### i. Bilangan Penduduk Felda Tenang Besut

Sejajar dengan pembukaannya secara berperingkat-peringkat pertambahan penduduk di Felda ini juga berlaku demikian. Pada peringkat pertama seramai 70 Orang peneroka diterima masuk ke tanah rancangan ini. Kemudian pada peringkat kedua bilangannya telah bertambah menjadi 130 Orang dengan kemasukan 60 orang lagi peneroka, termasuk juga peringkat ketiga yang merupakan kawasan tambahan peringkat pertama dan kedua. Sementara itu proses kemasukan peneroka bagi peringkat ke empat, bilangannya semakin bertambah iaitu seramai 119 orang.<sup>15</sup> Manakala kemasukan peneroka peringkat kelima telahpun dibuat pemilihan pada akhir 1989 baru-baru ini iaitu seramai lebih kurang 50 orang. Daripada jumlah kemasukan peneroka secara berperingkat-peringkat ini, kini bilangan penduduk yang menetap di Felda Tenang Besut telah meningkat kepada hampir 350 orang.

---

<sup>14</sup> Temubual Penulis dengan Ustaz Abu Bakar bin Haji Awang dan, Penyelia Hal Ehwal Agama Felda Tenang Besut, di Pejabat Felda Tenang Besut, pada 18 hb. April, 1989.

<sup>15</sup> Temubual Penulis dengan Encik Hashim bin Mahmud, Pengurus Felda Tenang Besut, di Pejabat Felda Tenang Besut, pada 18 hb. April, 1989.

### ii. Pendidikan Peneroka

Dari kajian yang telah dibuat oleh penulis terhadap pendidikan peneroka Felda Tenang Besut, didapati bahawa keseluruhannya mempunyai latarbelakang pendidikan yang hampir sama. Umumnya para peneroka peringkat pertama mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah (Darjah Enam). Manakala peneroka di peringkat kedua pula kebanyakannya mempunyai pendidikan sekolah rendah, namun ada juga di kalangan mereka ini berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Tahap kelulusan ini juga dimiliki oleh peneroka peringkat keempat dan kelima walaupun ada di kalangan mereka ini mencapai tahap kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Menyentuh tentang pendidikan agama di kalangan peneroka Felda Tenang Besut, boleh dikatakan bahawa keseluruhan mereka ini mendapat pendidikan agama di tempat asal masing-masing, khususnya dari ibubapa dan keluarga sendiri. Dan apa yang lebih menggalakkan kini mereka sentiasa berusaha untuk mempelajari dan mendalami perkara-perkara yang berkaitan dengan agama, terutama sejak mereka menetap di Felda ini dengan adanya berbagai aktiviti keagamaan yang dilaksanakan dari waktu ke semasa. Keadaan ini memberi peluang kepada peneroka untuk menambahkan lagi ilmu-ilmu agama.<sup>16</sup>

### iii. Ekonomi Penduduk

Kalau dilihat kepada pendapatan penduduk Felda Tenang Besut sebelum mereka memasuki tanah rancangan ini, kebanyakannya tidak mempunyai pendapatan tetap. Ini berbeza dengan keadaan mereka

---

<sup>16</sup> Temubual Penulis dengan Encik Abdul Rahman bin Mahmud, Ketua Masjid Felda Tenang Besut, di kediamannya pada 26 hb. Mei, 1989.

setelah bergelar peneroka. Sebagai ganjaran daripada penatlelah dan titikpeluh mengerjakan tanah pertanian yang dibahagikan itu, secara langsung ianya dapat mengubah nasib yang sedia ada kepada satu tahap yang lebih baik. Dengan itu ekonomi mereka lebih terjamin dengan adanya pendapatan bulanan yang tetap.

#### iv. Sepintas lalu mengenai latarbelakang kehidupan Masyarakat Felda Tenang Besut

Dari tinjauan yang dibuat oleh penulis, tegasnya bahawa keseluruhan peneroka di Felda ini adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam yang datang dari berbagai daerah yang berlainan. Namun begitu kebanyakannya adalah rakyat negeri serengganu sendiri, meskipun sebilangan kecilnya dari negeri lain. Pengambilan dan penempatan mereka di tanah rancangan ini dibuat melalui proses temuduga oleh Bahagian Penempatan Peneroka Wilayah FELDA, Kuala Lumpur. Berdasarkan kelainan daerah ini, menjadikan mereka mempunyai latarbelakang kehidupan yang berbeza samada di segi keluarga atau taraf kedudukan masing-masing. Ini jelas dilihat kepada peneroka peringkat kedua. Dari jumlah 130 orang, 40% terdiri dari petani dan orang awam, 0.6% adalah nelayan, 1% berpangkat polis dan 0.3% tentera.<sup>17</sup>

Keadaan ini menunjukkan bahawa minat untuk menduduki FELDA bukan sahaja tertumpu kepada golongan awam semata-mata, tetapi mereka yang berpendapatan tetap juga tidak ketinggalan menyertainya. Semua ini didorong oleh cita-cita dan keinginan untuk mengubah nasib diri dan keluarga kepada tahap yang lebih baik dan ter

jamin. Kesempitan hidup yang dialami disertai dengan bekalan semangat, cita-cita dan hasrat yang tinggi juga menjadi perisai utama untuk tujuan tersebut bagi menambahkan rezki di bumi Allah ini.

#### v. Kemudahan Asas di Felda Tenang Besut.

Semenjak pembukaannya hingga sekarang Felda ini telah dilengkapi dengan berbagai kemudahan asas untuk kegunaan masyarakatnya. Antaranya termasuklah sebuah sekolah rendah yang dikenali sebagai Sekolah Rendah Kebangsaan LKTP Tenang bagi memudahkan peneroka menghantar anak-anak mereka. Bangunan Pejabat Felda yang sederhana besarnya telah dibina serentak dengan penempatan peneroka bagi menguruskan jentera pentadbiran Felda. Untuk tujuan menduduki aktiviti keagamaan seperti mengerjakan ibadat sembahyang, di samping ceramah-ceramah agama, kelas Fardhu ain dan sebagainya sebuah masjid turut sama disediakan. Dengan bilangan penduduk yang semakin meningkat kini ia telah diperbesar dan diubahsuai bentuknya, malahan sebuah surau juga disediakan bagi menampung jemaah yang kian ramai. Sebuah Kedai Perbadanan Niaga Felda (PNF) juga didirikan sebagai tempat pembekalan barangan keperluan peneroka. Bayaran yang dibuat oleh peneroka untuk mendapatkan barangan dari kedai tersebut adalah melalui potongan gaji bulanan yang dilakukan secara beransur-ansur. Felda ini juga mendapat bekalan air paip dan elektrik (24 jam) di samping api persimpangan jalan untuk menerangi kawasan perkampungan terutama di waktu malam.

Menyedari tentang betapa pentingnya anak-anak peneroka di didik sejak kecil lagi, sebuah Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) telah dibina dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Demikian ju



ga dengan ajaran agama anak-anak, di mana pada tahun 1980 telah disediakan Kelas Al Quran. Pelbagai kemudahan lain ialah sebuah pondok polis, taman selesa, kelinik kesihatan dan kedai koperasi. Di samping itu, Dewan JKKR juga didirikan sebagai tempat mengadakan mesyuarat dan berbagai aktiviti kemaasyarakatan. Untuk memudahkan urusan berkomunikasi sebuah pondok talipon turut disediakan.

Pendek kata, segala kemudahan ini adalah untuk menjamin kelesaan masyarakatnya. Ini merupakan satu kemajuan yang seharusnya dibanggakan oleh seluruh penduduk lantaran apa yang dikecapi itu adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kampung-kampung tradisional yang lain. Apa yang perlu diberi perhatian oleh seluruh masyarakat Felda ini ialah menjaga dan memelihara segala kemudahan itu supaya dalam keadaan baik dan selamat.

#### vi. Pentadbiran Felda Tenang Besut

Sebagai sebuah badan kerajaan yang bermatlamat untuk membahayakan masyarakat, Felda ini juga mempunyai struktur pentadbirannya yang tersendiri. Ia ditadbirkan oleh seorang pengurus dan dibawahnya terdapat ramai kakitangan yang memainkan peranan masing-masing. Mereka terdiri daripada Penolong Pengurus, Penyelia Kanan, dan orang Penyelia, dua orang Pegawai Kerani, Penyelia Hal Ehwal Agama (SDA), Penyelia Wanita (SDA), Jurutaip, Pemandu Land Rover dan Pemandu Traktor.

Sebuah badan perhubungan dan pemesyuaratan tertinggi pe-

---

<sup>17</sup> Temubual Penulis dengan Ustaz Abu Bakar bin Haji Awang Lan, Penyelia Hal Ehwal Agama Felda Tenang Besut, di Pejabat Felda Tenang Besut, pada 19 hb. April, 1989.

17  
bertu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) juga terdapat di Felda ini. Ia diketuai oleh Pengurus Felda sendiri sebagai pengerusi dan dibantu oleh Penolong Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Ketua-Ketua Blok (12 Blok). Terdapat juga perwakilan tertentu yang terdiri daripada Pengerusi Persatuan Belia, Pengerusi Gabungan Persatuan Wanita (GPW) dan Pengerusi Koperasi di samping beberapa perwakilan undangan seperti Imam Masjid, Polis, Guru Besar dan Bidan.<sup>19</sup>

Umumnya JKCR mempunyai tugas dan tujuannya yang tertentu dalam urusan pentadbiran rancangan meliputi beberapa aspek seperti ekonomi, kesihatan sosial dan keagamaan. Di sudut keagamaan misalnya antara tugasnya yang terpenting ialah:

a. menggerakkan peneroka untuk membentuk sikap dan nilai-nilai baru yang menahukan kemajuan serta memberi perhatian yang paling utama kepada pelajaran di semua peringkat.

b. mewujudkan sebuah masyarakat yang sanggup berdikari, berprestij, tepuh dan bertata tertib.

c. memupuk dan membangunkan kenedaran ketatanegaraan di kalangan peneroka dalam menggunakan dan menjaga kemudahan-kemudahan asas yang disediakan dengan baik dan sempurna, supaya setiap individu mempunyai perasaan bertanggungjawab terhadap hak-hak bermasyarakat di rancangan.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Temubual Penulis dengan Encik Awang bin Embong, Pengerusi Felda Tenang Besut, di Pejabat Felda Tenang Besut, pada 19 hb. April, 1989.

<sup>19</sup> Temubual Penulis dengan Encik Hashim bin Mahmud, Pengurus Felda Tenang Besut, di Pejabat Felda Tenang Besut, pada 20 hb. April, 1989.

Kesedaran ini hanya akan wujud bagi masyarakat yang benar benar jujur dan amanah. Semua ini ada kaitan rapat dengan aspek keagamaan kerana ajaran Islam sendiri memberi penekanan yang lebih utama kepada perkara-perkara tersebut.

Mengenai objektif JKKR secara umum ia bertujuan untuk membina sebuah masyarakat Islam yang teguh dan mengutamakan nilai-nilai baru yang membawa faedah dan kesejahteraan hidup di samping menapatkan hubungan dan kerjasama di kalangan penduduk, pegawai-pegawai rancangan bagi mewujudkan suasana muhibbah dan damai.<sup>21</sup>

Ini semua amat sukar dicapai kecuali dengan adanya aktiviti-aktiviti keislaman (keagamaan) yang sentiasa memberi kesedaran tentang betapa pentingnya suasana aman dan sejahtera demi memelihara kemaslahatan masyarakat selaras dengan lunas-lunas yang dipariskan oleh Islam. Sesungguhnya matlamat kewujudan sebuah masyarakat Islam ialah untuk memastikan terlaksananya keselamatan dan kesejahteraan manusia.<sup>22</sup> Firman Allah.

هو الذي لا اله الا هو الظالم القدوس السلام

Maksudnya: "Dialah Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia. Raja yang Maha Suci dan Maha Sejahtera"<sup>23</sup>

والله يود الالى دار السلام

Maksudnya: "Dan Allah menyeru (manusia) kepada Darussalam (Syurga)."<sup>24</sup>

<sup>20</sup> Suhaimi Mokhtar, JKKR Badan Perhubungan dan Pemensyuaran Tertinggi Peserta, Majalah Peneroka, Jilid 2, bil. 2, Kuala Lumpur, PELDA, 1970, hal. 3.

<sup>21</sup> Ibid. hal. 4.

Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa peranan JKRR ini amat penting terhadap kemajuan dan pentangunan sesebuah masyarakat FELDA. JKRR Felde Tenang Besut juga tidak ketinggalan menyumbangkan bakti dan perannya dalam memantangkan lagi taraf hidup masyarakat rancangan selaras dengan matlamat dan objektif yang ingin dicapai oleh FELDA.

#### 6. Badan Pembangunan Kerohanian

Badan inilah yang menganjurkan aktiviti keislaman di FELDA. Ia ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah pentadbiran Ibu pejabat FELDA di Kuala Lumpur yang bertanggungjawab dalam hal-hal pembangunan kerohanian masyarakat FELDA.<sup>25</sup> Antara matlamat penubuhannya ialah untuk mewujudkan keluarga peneroka yang sejahtera. Secara khususnya kegiatan-kegiatan badan ini adalah bertujuan untuk mencapai matlamat berikut:

- a. mewujudkan kepimpinan yang berkesan.
- b. menggalakkan penyertaan dan penglibatan peneroka dalam pembangunan dan tadbiran rancangan.
- c. memberi pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak peneroka.
- d. kegiatan-kegiatan perniagaan.
- e. projek-projek ekonomi sampingan.
- f. latihan untuk peneroka, penerokawati dan tanggungan peneroka.
- g. pembangunan penerokawati dan generasi kedua.
- h. kegiatan sukan dan kebudayaan.
- i. pembangunan kerohanian.

Manakala bidang yang termasuk dalam aspek pembangunan ke-  
seluruhan masyarakat terbahagi kepada lima intituti utama iaitu:

- a. intituti keluarga.
- b. intituti agama.
- c. intituti pendidikan dan latihan.
- d. intituti ekonomi.
- e. intituti tadbiran dan politik.

26

**B. PENGERTIAN TAJUK DAN RUMUSAN MASALAH**

**PENGERTIAN TAJUK**

Sebelum penulis membicarakan dengan lebih terperinci me-  
ngani masalah yang akan dibentangkan,ada baiknya dibuat pene-  
nanan terhadap pengertian tajuk kertasprojek ini agar pembaca  
dapat menanggapi segala persoalan yang bakal diperbincangkan.

Berdasarkan tajuknya iaitu "Aktiviti Keislaman dan Pene-  
nuannya di Kalangan Masyarakat Peneroka.Tinjauan khusus di Fel-  
da Tanah Besut,Jerneh Terengganu",penulis ingin memberi erti se-  
tiap perkataan.Aktiviti membawa makna kegiatan atau usaha.<sup>27</sup>  
apa yang dimaksudkan disini ialah usaha atau kegiatan yang ber-  
dasarkan Islam.Manakala perkataan keislaman berasal dari kata da-  
nyanya Islam.Islam bermaksud agama yang disampaikan oleh Nabi Mu-  
hammad S.A.W.Keislaman di sini bererti perihal Islam.<sup>28</sup>

---

<sup>22</sup> Dr.Salahuddin Al Manjid,Masyarakat Islam di Bawah Rau-  
han Kendilan,Cetakan Pertama,Dewan Pustaka Fajar, 1988,hal. 58.

<sup>23</sup> Surah Al Hasyr,ayat 99.

<sup>24</sup> Surah Yunus,ayat 25.

Perkataan penerimaan pula membawa berbagai pengertian ia

194;

i. berasal dari kata menerima yang bermaksud mengambil, mena-  
dah sesuatu yang diberikan.

ii. perihal menerima.

iii. keinginan (masuk dll), kebenaran.

iv. sikap terhadap, anggapan terhadap, tanggapan.<sup>29</sup>

Demikian juga perkataan di kalangan membawa makna dalam  
lingkungan atau golongan tertentu.<sup>30</sup> Maksudnya di sini ialah go-  
longan peneroka FELDA Tenang Beaut. Erti masyarakat pula ialah  
kumpulan manusia yang hidup bersama (dalam suatu terpt dengan  
aturan dan cara-cara tertentu serta pergaulan tertentu).<sup>31</sup>

Maksud peneroka pula ialah orang yang meneroka<sup>32</sup> iaitu  
orang yang membuka se tu kawasan baru untuk dijadikan kampung,  
(sawah, ladang), membuat sawah (ladang dll) di kawasan baru. Biasa-  
nya peneroka dipilih oleh ahli politik dan pegawai berpangkat  
tinggi berdasarkan kriteria politik.<sup>33</sup> Ma nakala FELDA (FEDERAL  
LAND DEVELOPMENT AUTHORITY) atau LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKU-  
TAN adalah sebuah badan spara kerajaan yang ditubuhkan pada ta-  
hun 1960 di bawah Kementerian Tanah dan Wilayah. Ia merupakan a-  
geni utama penerokaan tanah.

---

<sup>29</sup> Temubual Penulis dengan Hetas Abdul Halim bin Edar, Pe-  
jabat Tadbir Bahagian Pembangunan Kerohanian FELDA, 01 Ibu Peja-  
bat FELDA Kuala Lumpur, pada 20 hb. Julai, 1989.

<sup>30</sup> Maklumat Asas Mengenai Kumpulan Felde, op. cit. hal. 51.

<sup>32</sup> Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Kemu-  
nitan Pelajaran, Kuala Lumpur, 1970, hal. 74.

## RUMUSAN MASALAH

Dalam menjalankan penyelidikan ke atas tajuk kertasprojek ini penulis ingin menekankan kepada sikap dan sambutan yang ditunjukkan oleh masyarakat FELDA terhadap kegiatan dan aktiviti berbentuk keislaman yang dijalankan di tempat tinggal mereka. Meskipun para peneroka sibuk membanting tulang untuk berbakti kepada tanah, apakah mereka ini peruntukkan masa untuk mengikuti aktiviti-aktiviti tersebut bagi meningkatkan lagi pengetahuan agama. Lebih jelas dikatakan bahawa mereka ini bukan sahaja berusaha mencari rezki dan kekayaan di dunia semata-mata, bahkan keperluan dan kepentingan ukhrawi juga diutamakan.

Aktiviti-aktiviti tersebut sebenarnya bertujuan untuk berakhlak dan menyeru manusia supaya patuh dan berpegang kepada luhur-luhur dan dasar-dasar Islam yang hak tanpa sebarang keraguan. Ini amat bertepatan sekali bahawa dasar Islam itu perlu dipraktikkan pada setiap zaman oleh semua umat Islam. Ia tidak berubah setiap mengajarkan agar umat manusia sentiasa mengimani Allah, RasulNya, KitabNya, Para MalaikatNya serta rukun-rukun Islam yang lain.

Apa yang ingin diutarakan oleh penulis dalam rumusan masalah terhadap persoalan ini antaranya ialah:

---

<sup>28</sup> Ibid. hal. 398.

<sup>29</sup> Ibid. hal. 1242.

<sup>30</sup> Ibid. hal. 452.

<sup>31</sup> Ibid. hal. 718.

1. Apakah bentuk-bentuk aktiviti keislaman yang sering di jalankan dan diminati oleh masyarakat FELDA khususnya.

2. Sejauhmanakah ianya memberi kesan yang positif atau sebaliknya terhadap kefahaman mereka mengenai Islam itu sendiri serta perkara-perkara yang berkaitan langsung dengannya dalam soal kehidupan seharian seterusnya kehidupan bermasyarakat.

3. Apakah minat mereka untuk mengikuti aktiviti-aktiviti tersebut bermula dari kesedaran diri sendiri untuk mendalami Islam ataupun didorong oleh faktor-faktor lain.

4. Termasuk juga masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka untuk mengikuti segala program yang dirancangkan terhadap pelaksanaan aktiviti tersebut.

5. Penulis juga cuba untuk mendapatkan pandangan masyarakat FELDA mengenai cadangan mereka untuk meningkatkan lagi pelaksanaan aktiviti tersebut ke arah yang lebih berkesan.

Segala perbincangan mengenai perkara-perkara berikut akan dibincangkan oleh penulis dengan lebih jelas dan terperinci lagi dalam Bab IV nanti iaitu bab laporan penyelidikan dan penganalisan data.

## C. TUJUAN PENYELIDIKAN

Pengkajian terhadap kertasprojek yang bertajuk "Aktiviti Keislaman dan Penerimaannya di Kalangan Masyarakat Peneroka. Tin-

---

<sup>32</sup> Op.cit. hal. 61.

<sup>33</sup> Oguz Mehmet, Pasar Makan Padi! Amanah, Kemiskinan dan Ke-  
rayaan Dalam Pembangunan Malaysia di bawah FEL, Jomo et. (ed), Ku-  
ala Lumpur, INSAN, 1986, hal. 61.



ajian Khusus di Felda Tenang Besut, Jerteh, Terengganu," sememangnya mempunyai beberapa tujuan penting. Ini amat sesuai sekali dengan hasrat dan tujuan penulis untuk memahami setiap persoalan yang ada. Antara tujuan-tujuan penulisan ilmiah ini dijalankan ialah:

1. untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Malaya, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti kepada setiap mahasiswa-mahasiswa di tahun akhir.

2. untuk mengetahui sejauhmanakah sikap dan minat yang ditunjukkan oleh para peneroka Felda Tenang (kawasan kajian) terhadap aktiviti-aktiviti keislaman yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu yang bertujuan untuk berdakwah kepada masyarakat.

3. untuk memperkenalkan Felda Tenang Besut sebagai salah sebuah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang menitikberatkan usahanya terhadap bidang penerokaan tanah. Meskipun ia merupakan sebuah Felda yang kecil dengan jumlah peneroka kira-kira 300 orang yang kesemuanya beragama Islam, namun ia adalah kawasan yang maju dan membangun di segi kemudahan infrastruktur, pentadbirannya serta kehidupan masyarakatnya. Ia boleh dikatakan setanding dengan kemajuan perkampungan lain, malah tidak keterlaluan jika dikatakan ianya adalah lebih baik dan lebih maju.

4. untuk mengenalpasti dan mengetahui tentang apakah bentuk-bentuk aktiviti yang diminati oleh peneroka Felda berdasarkan kesedaran yang wujud dalam diri mereka dan apakah hasil yang diperolehi dari program tersebut dapat mempengaruhi suasana hidup

mereka di Felda di samping untuk menguatkan akidah dan keimanan mereka terhadap ajaran Islam itu sendiri.

5. untuk mengetahui sikap para peneroka terhadap keperluan pendidikan anak-anak mereka di Felda. Apakah mereka ini sekadar mementingkan keperluan dan keinginan diri sendiri semata-mata dengan membiarkan anak-anak tanpa bimbingan atau sekadar menyerah bulat-bulat kepada guru-guru agama di tempat mereka tanpa sebarang tunjukkan dan nasihat sendiri. Apa yang penting di sini ialah anak-anak mereka yang bakal mewarisi kehidupan seterusnya, harus dan sepatutnya dibekalkan dengan ajaran dan pedoman hidup yang benar.

6. untuk mencungkil dan mengenalpasti masalah-masalah dan kepincangan-kepincangan yang dihadapi dalam usaha menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk Islam kepada masyarakat peneroka meliputi reaksi serta sambutan mereka, di samping mengemukakan cadangan-cadangan dan jalan penyelesaiannya menurut cara yang praktikal dan terbaik.

## B. METODOLOGI

Dalam penulisan dan penyelidikan kertasprojek ini penulis telah memberi penekanan terhadap penggunaan beberapa metode:

### 1. Metode Penentuan Subjek

Dalam metode ini penulis menggunakan metode sampling, iaitu pemilihan penulis terhadap sebuah perkampungan Felda sahaja sebagai sample penyelidikan.

### 2. Metode Pengumpulan Data

Untuk memperolehi data-data berkaitan dengan tajuk penyelidikan, penulis telah memilih beberapa metode:

- i. Metode Dokumentasi
  - ii. Metode Observasi (Pemerhatian)
  - iii. Metode Questioner (Soalselidik)
  - iv. Metode Interview (Temubual)
5. Metode Penganalisan Data

Dalam menganalisis data-data penyelidikan penulis telah menggunakan metode-metode berikut:

- i. Metode Induktif
- ii. Metode Deduktif
- iii. Metode Komparatif

Penjelasan terperinci mengenai pengertian metodologi serta penggunaannya akan dibincangkan oleh penulis dalam Bab III.

## B. SUSUNAN PENULISAN

Susunan penulisan dalam penyelidikan ini terbahagi kepada lima bab utama iaitu:

### BAB I - PENDAHULUAN

Bab ini terdiri daripada beberapa bahagian:

- a. Latar belakang Masalah
- b. Pengertian Tajuk dan Rumusan Masalah
- c. Tujuan Penyelidikan
- d. Metodologi
- e. Susunan Penulisan

### BAB II - LANDASAN TEORI

Dalam bab ini penulis menyentuh beberapa perkara iaitu:

- i. Pengertian Islam

- ii. Pengertian Dakwah
- iii. Hukum dan Kewajiban Berdakwah
- vi. Siapakah Penerima Dakwah
- v. Kepentingan Dakwah
- vi. Tujuan Dakwah
- vii. Pengertian Masyarakat Islam
- viii. Masyarakat Sebagai Penerima Dakwah

### BAB III - METODOLOGI

ia tertumpu kepada metode-metode yang digunakan oleh penul<sub>is</sub> dalam mengumpul dan menganalisis data iaitu;

- a. Metode Penentuan Subjek
- b. Metode Pengumpulan Data
- c. Metode Penganalisaan Data

### BAB IV - LAPURAN PENYELIDIKAN DAN PENGANALISAAN DATA

Dalam bab ini penulis melaporkan hasil-hasil penyelidikan yang telah dijalankan dengan menganalisa dan merumuskan data-data yang diperolehi berdasarkan metode-metode yang digunakan.

### BAB V - PENUTUP

Bab ini mengadungi kesimpulan-kesimpulan dan saranan-saranan penulis mengenai persoalan-persoalan penyelidikan serta per-  
kara-perkara yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan.